



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
(PETRA)

HAS 2026: PETRA SERAH PROJEK MENAIK TARAF SISTEM
SALIRAN ATASI MASALAH BANJIR KILAT DI KAWASAN
BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH FASA 2 (PAKEJ 2A)
KEPADA KERAJAAN NEGERI MELAKA BERJUMLAH RM10.351
JUTA

MELAKA, 25 APRIL 2026 – Projek Menaiktaraf Sistem Saliran bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat di Kawasan Bandaraya Melaka Bersejarah Fasa 2 (Pakej 2A) telah diserahkan oleh Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) kepada Kerajaan Negeri Melaka hari ini. Projek berkenaan telah siap sepenuhnya pada 19 Mac 2026 dengan nilai kontrak berjumlah RM10.351 juta. Upacara penyerahan berlangsung di Majlis Perasmian Sambutan Hari Air Sedunia (HAS) 2026 Peringkat Kebangsaan di Pantai Tanjung Bidara, Masjid Tanah.

Pelaksanaan projek bertujuan menyelesaikan masalah banjir kilat di tiga (3) lokasi dalam kawasan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah iaitu:

- i. Kampung Enam dan Kampung Tujuh;
- ii. Jalan Tamby Abdullah sehingga ke Jalan Parameswara; dan
- iii. Taman Merak Mas ke Kampung Tebing Tinggi, Bukit Katil.

Skop projek merangkumi Pembinaan Rumah Pam dan juga kerja-kerja lain yang berkaitannya (*General and Preliminaries, Civil Works, Building & Structural Works, Mechanical & Electrical Works, Local Automation Works dan Provisional Sum*).

Kerajaan Persekutuan melalui PETRA telah meluluskan sebanyak 21 projek berkaitan air dengan kos projek sebanyak RM3.1 bilion dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas dan Ketiga Belas di Negeri Melaka. Manakala siling peruntukan dalam Rolling Plan Pertama (RP 1) 2026 adalah sebanyak RM274 juta.

Sementara itu, PETRA dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka telah menganjurkan Sambutan HAS Tahun 2026 Peringkat Kebangsaan di Pantai Tanjung Bidara, Masjid Tanah, Melaka pada 24 hingga 25 April 2026. Program ini dirasmikan oleh YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri PETRA dengan kehadiran YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka.

Sambutan Hari Air Sedunia yang diraikan pada setiap tahun sejak penetapan United Nations Conference on Environment and Development (UNCED) pada tahun 1992 merupakan platform penting dalam meningkatkan kesedaran global terhadap kepentingan pengurusan sumber air secara mampan.

Bertemakan “Air Milik Semua” yang membawa mesej bahawa air perlu diurus secara inklusif dan holistik, sambutan HAS peringkat kebangsaan tahun ini telah dihadiri oleh lebih 5,000 orang pengunjung. Semasa majlis, peluncuran “Dasar Air Negara” yang menyediakan hala tuju, prinsip serta kerangka utama yang menyokong pelaksanaan Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040 (AIR 2040) turut berlangsung disusuli dengan penyampaian anugerah pelbagai kategori bagi mengiktiraf organisasi, komuniti dan individu dalam sektor air.

Sambutan HAS merupakan gerakan advokasi nasional yang menyatukan sektor awam, swasta, akademik dan komuniti dalam memelihara khazanah air negara. Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, peranan aktif dan berterusan pelbagai pihak adalah amat penting bagi memastikan pelaksanaan Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM) merentasi semua sektor secara efektif.

Kesedaran masyarakat terhadap kepentingan air melalui sambutan Hari Air Sedunia amatlah penting kerana ia menjadi pemangkin kepada tindakan bersama dalam memastikan kemampanan sumber air bersih

negara untuk menjamin kesejahteraan generasi kini serta memastikan warisan air bersih terus terpelihara untuk generasi akan datang.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
25 April 2026

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)

Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

